

Bencana alam makin kerap di Indonesia

» Hujan lebat, tanah runtuh landa banyak kawasan

► Jakarta

Hujan lebat yang melanda beberapa kawasan di Indonesia menjadi punca semakin banyak tempat dilanda banjir dan tanah runtuh sejak beberapa hari lalu, lapor akhbar di sini.

Khamis lalu, tanah runtuh melanda Majenang, kawasan sempadan di antara Jawa Barat dan Tengah.

Tanah runtuh sepanjang 200 meter itu memutuskan laluan kenderaan, menjadi punca kese-

sakan dan memaksa pemandu mencari jalan alternatif lain.

Lagi tanah runtuh

Satu lagi tanah runtuh berlaku di Cicalengka, Tanjungwangi, Jawa Barat, juga pada hari sama.

Tanah akibat tanah runtuh itu memutuskan akses jalan raya ke lima perkampungan iaitu Dampit, Tanjungwangi, Gampit, Tanjunglaya dan Sindulang.

“Tanah runtuh itu melumpuhkan aktiviti perniagaan di situ,” kata ketua keselamatan awam, Endang Suganda.

Bencana sama juga melanda Kotamobagu, Sulawesi Utara Jalan raya utama menghubungkan Manado dan Kotamobagu tersekat selama enam jam, Jumaat lalu. Bandung turut dilanda banjir semingggu lalu.

Bina khemah sementara



Penduduk Bandung meredah banjir selepas hujan lebat.

B/H 6/1/13 MS 9

[FOTO AP]

Sementara itu, beratus-ratus penduduk di Pemenang dan daerah Pemenang Barat di Lombok Utara turut menjadi mangsa bencana, kali ini banjir.

Ketua Agensi Pengurusan Bencana Lombok Utara, Iwan Maret Asmara, berkata pihaknya membina khemah di tempat berdekatan untuk menjadi tempat perlindungan sementara selepas rumah penduduk dinaiki air atau rosak akibat tanah runtuh.

“Pihak kami bina khemah di tempat berdekatan untuk dijadikan tempat perlindungan sementara”

Iwan Maret Asmara,
Ketua Agensi Pengurusan
Bencana Lombok Utara

Tiga perkampungan di daerah Timor Tengah Utara dan Selatan di wilayah Nusa Tenggara Timur – Fafoe, Umatoos dan Lasaen – dinaiki air sejak Rabu lalu.

Ladang jagung dan telaga air ditimbus lumpur selepas air Sungai Benenai melimpah.

Hampir 300 rumah di Makasar turut dinaiki air selepas hujan lebat berterusan sejak Selasa lalu hingga merosakkan tebing Sungai Je'ne Mandinging. **AGENSI**